



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - RABU, 2 JULAI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KERAJAAN SALUR RM40.9 JUTA UNTUK PENGURUSAN BENCANA ALAM 2025		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/07/kerajaan-salur-rm40-9-juta-untuk-pengurusan-bencana-alam-2025/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/01/peruntukan-rm40-juta-jkm-tidak-cukup-tampung-bencana-besar-luar-jangkaan/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	NAHAS BAS UPSI: NORAINI ZIARAH MANGSA PERODUA ALZA		POSITIF
	https://umno-online.my/2025/07/01/nahas-bas-upsi-noraini-ziarah-mangsa-perodua-alza/	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	IBU BAPA PERLU JADI PELINDUNG, BUKAN PEMANGSA		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/736412/suara-sinar/lidah-pengarang/ibu-bapa-perlu-jadi-pelindung-bukan-pemangsa	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	MPPM CADANG INSENTIF PERCUKAIAN GALAK PEMBABITAN TENAGA KERJA WANITA		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2025/07/1235786/mppm-cadang-insentif-percukaian-galak-pembabitan-tenaga-kerja-wanita	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	IBU TUNGGAL LEGA BUMBUNG RUMAH DIGANTI BAHARU		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/ibu-tunggal-lega-bumbung-rumah-diganti-baharu/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	PERAK BANGUN MODUL KHUSUS BANTU OKU DAPAT KERJA - EXCO		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1414502/perak-bangun-modul-khusus-bantu-oku-dapat-kerja-exco	BHARIAN.COM.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/perak-introduces-special-module-to-help-pwds-gain-employment-exco-FO14384414	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2439980	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2439948	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	21 PEMILIK RUMAH TERBAKAR DI BAGAN PASIR LAUT DIBANTU BINA SEMULA KEDIAMAN		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1236009/21-pemilik-rumah-terbakar-di-bagan-pasir-laut-dibantu-bina-semula-kediaman?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/01/kediaman-terbakar-di-kg-bagan-pasir-laut-dibina-semula-sebulan-lagi/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/07/1238537/zahid-govt-will-rebuild-all-homes-lost-bagan-pasir-laut-blaze	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	PKMB KUCHING SEDANG MENGESAN IBU KANDUNG BAYI LELAKI		NEGATIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/07/01/pkmb-kuching-sedang-mengesan-ibu-kandung-bayi-lelaki	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://suarasarawak.my/pkmb-kesan-waris-bayi-berusia-14-hari/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.theborneopost.com/2025/07/01/kuching-welfare-office-seeks-mother-of-baby-left-at-bmc-hatch/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.sarawaktribune.com/authorities-look-for-family-of-baby-izzy-haziq/	SARAWAKTRIBUNE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	REMAJA OKU DIDAKWA ATAS TUDUHAN BUNUH WARGA EMAS DI TANAH MERAH		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/remaja-oku-didakwa-atas-tuduhan-bunuh-warga-emas-di-tanah-merah	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-oku-dituduh-bunuh-lelaki-warga-emas-527448	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/736441/berita/semasa/remaja-oku-didakwa-bunuh-warga-emas-kerana-tegur-main-motor#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/07/1235812/pemuda-didakwa-bunuh-warga-emas	HMETRO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=eJfNdtYlx4	YOUTUBE	
	https://onetiger.com/remaja-oku-didakwa-bunuh-warga-emas-di-kelantan/	ONETIGER.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/remaja-oku-didakwa-bunuh-warga-emas/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1414388/pemuda-dituduh-bunuh-warga-emas-di-tepi-kedai-runcit?source=widget	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/01/oku-lembam-didakwa-bunuh-warga-emas-guna-cota/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.mingguanwanita.my/remaja-oku-didakwa-sebabkan-kematian-warga-emas-kerana-tegur-main-motosikal/	MINGGUANWANITA.MT	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2439928	BERNAMA.COM	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/07/01/remaja-oku-dituduh-bunuh-warga-emas-guna-cota-tepi-kedai-runcit-di-tanah-merah	MAJORITI.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	BAPA DUA ANAK DIDAKWA 'SENTUH' ADIK IPAR KETIKA ISTERI HAMIL		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/01/bapa-dua-anak-didakwa-sentuh-adik-ipar-ketika-isteri-hamil/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	POLIS TAHAN GURU SILAT DISYAKI CABUL ANAK MURID 12 TAHUN		NEGATIF
	https://malaysiagazette.com/2025/07/01/polis-tahan-guru-silat-disyaki-cabul-anak-murid-12-tahun/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	PEKERJA KILANG TAYAR NAFI AMANG SEKSUAL REMAJA		NEGATIF
	https://www.dailyexpress.com.my/news/261558/pekerja-kilang-tayar-nafi-amang-seksual-remaja/	DAILYEXPRESS.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan salur RM40.9 juta untuk pengurusan bencana alam 2025



NORAINI Ahmad (kiri) ketika menyantuni penerima sijil pada Majlis Apresiasi Rakan Strategik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2025 di Bangli Resort Hotel di sini hari ini. - UTUSAN/SYAKIR RADIN

Oleh FATIN NORZATI MAT ISA 1 Julai 2025, 2:11 pm

BANGI: Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM40,907,300 kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di peringkat Persekutuan dan negeri bagi pengurusan bencana pada tahun ini termasuk bagi penyediaan barangan keperluan asas kepada mangsa.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan mengakui jumlah tersebut tidak mencukupi untuk menampung keperluan 'ad hoc' sekiranya berlaku bencana besar luar jangkaan.

"Saya akui jumlah ini tidak dapat menampung keperluan adhoc apabila skala bencana yang berlaku lebih besar dari jangkaan.

"Justeru, kerjasama dan sumbangan daripada rakan strategik amat diperlukan bagi memastikan semua mangsa mendapat bantuan sewajarnya tanpa ada yang tercicir," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi ucapan yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad dalam Majlis Apresiasi Rakan Strategik Pengurusan Bencana JKM di sini hari ini.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Pengurusan Bencana Negara berkata, pengurusan bencana bukan sahaja memerlukan tindakan pantas dan penyelarasan cekap oleh agensi kerajaan, malah bergantung kepada solidariti merentas sektor termasuk pelbagai agensi penyelamat, komuniti dan sektor swasta.

Katanya, setakat ini, JKM bertanggungjawab mengurus 8,417 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di seluruh negara yang telah menampung sehingga 2.18 juta mangsa bencana.

"Sepanjang Monsun Timur Laut 2024/2025, JKM telah mengaktifkan 1,612 PPS yang memberi perlindungan sementara kepada 343,248 mangsa daripada 101,540 keluarga di 12 buah negeri.

"Ini bukan sekadar angka. Ini adalah nyawa yang berjaya kita selamatkan," katanya.

Katanya, kejayaan pengurusan bencana di Malaysia adalah hasil gandingan kukuh antara agensi seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta sokongan berterusan rakan strategik JKM, termasuk badan korporat dan sukarelawan.

Beliau turut menyeru semua pihak agar terus memainkan peranan masing-masing secara kolektif dan berterusan agar tiada mangsa yang terpinggir tanpa mengira latar belakang atau fahaman politik.

"Bayangkan betapa luar biasanya komitmen mereka. Inilah bukti bahawa semangat khidmat dan kesiapsiagaan sentiasa menjadi keutamaan.

"Inilah Malaysia yang kita impikan kerana susah senang kita tempuhi bersama demi rakyat yang memerlukan," katanya. - UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nahas Bas UPSI: Noraini Ziarah Mangsa Perodua Alza

1 July 2025

Berita Utama

KUALA LUMPUR, 1 Julai – Ketua Wanita UMNO Malaysia, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad telah menziarahi mangsa Perodua Alza yang terlibat dalam kemalangan dengan bas yang membawa para pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada Sabtu.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan rasa simpati terhadap musibah menimpa keluarga tersebut dan menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu.

"Saya telah menziarahi mangsa kemalangan tragis membabitkan sebuah kereta Perodua Alza yang terlibat dalam kemalangan dengan bas membawa pelajar-pelajar UPSI hingga mengakibatkan 15 kematian.

"Mangsa, Mohd Lutfi Radzi, 37 tahun, seorang guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan (SK) Malau bersama keluarganya terlibat dalam nahas tersebut. Beliau yang memandu kereta Perodua Alza telah dilanggar dari belakang oleh bas yang membawa pelajar UPSI. Isteri beliau, Nurul Ain Zakaria, 36 tahun, mengalami kecederaan serius dengan empat tulang rusuk patah.



"Anak perempuan mereka, Nur Aisyah Nafishah, 6 tahun, turut mengalami kecederaan patah kaki dan kini dipasang besi penstabil. Anak lelaki mereka, Mohamad Ahsan Nafis, 2 tahun, dilaporkan tercampak keluar daripada kenderaan ketika insiden berlaku namun syukur tiada kecederaan serius dialami," katanya menerusi satu kenyataan.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan bahawa Wanita UMNO Malaysia akan sentiasa membantu meringankan beban keluarga tersebut dari aspek pemulihan dan kebajikan mereka.

"Saya ingin menyatakan rasa simpati dan keprihatinan mendalam di atas musibah yang menimpa keluarga ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak hospital dan juga semua pihak yang telah memberikan rawatan serta sokongan kepada mangsa sekeluarga.

"Wanita UMNO Malaysia akan sentiasa bersama membantu meringankan beban keluarga ini, khususnya dalam proses pemulihan dan kebajikan mereka.

"Kami ingin menyeru masyarakat untuk terus mendoakan kesembuhan dan kekuatan buat keluarga Mohd Lutfi Radzi, serta mengambil iktibar terhadap keselamatan di jalan raya demi mengelakkan tragedi yang sama berulang," katanya lagi. – *UMNO Online*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ibu bapa perlu jadi pelindung, bukan pemangsa



UDAH PENGARANG [Follow](#)

01 Julai 2025 09:50am



Gambar hiasan.

DALAM masyarakat yang mengangkat institusi keluarga sebagai tiang seri kehidupan, wujud kes penderaan seksual yang dilakukan oleh bapa kandung atau bapa tiri, malah kekasih ibu sendiri.

Perkara itu berlaku dengan pengetahuan atau keredaan ibu dan ia merupakan satu bentuk pengkhianatan yang sangat kejam.

Lebih menyayat hati, sebahagian ibu sanggup memejamkan mata atas alasan cinta, takut ditinggalkan atau bergantung hidup pada pasangan.

Kes-kes seperti ini semakin banyak disingkap media seperti bapa rogol anak sejak kecil, ada ibu biar teman lelaki tidur sekati dengan anak, malah ada pula yang bersubahat menjadikan anak sendiri sebagai 'bayaran hutang' kepada rakan.

Ini bukan lagi kes luar biasa sebaliknya menjadi fenomena gelap memburukkan wajah institusi kekeluargaan.

Isu utamanya ialah pengabaian tanggungjawab penjagaan dan kegagalan sistem untuk mengesan serta menyelamatkan mangsa pada peringkat awal.

Ramai anak terperangkap kerana tidak tahu kepada siapa harus mengadu, malah ada yang dituduh berbohong apabila membuka mulut.

Dari sudut perundangan, terdapat jurang besar antara akta sedia ada dan realiti pelaksanaan.

Walaupun Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 memperuntukkan pelbagai bentuk perlindungan, tindakan siasatan, pendakwaan dan pemulihan masih lambat dan lemah.

Justeru, penyelesaian mesti bersifat menyeluruh perlu dilaksanakan. Pendidikan seksual berasaskan nilai moral dan agama wajib dijadikan kurikulum utama di sekolah rendah, bukan lagi topik pilihan.

Selain itu latihan wajib untuk semua guru dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan petugas kesihatan dalam mengesan tanda penderaan seksual awal lebam mencurigakan, perubahan tingkah laku, prestasi akademik menjunam supaya intervensi awal perlu dilakukan.

Cadangan penubuhan mahkamah keluarga khas dan pusat perlindungan komuniti boleh bertindak segera dalam isu penjagaan, pemisahan daripada pelaku dan sokongan psikologi intensif.

Dalam masa sama soal perundangan khas terhadap ibu bapa bersubahat membiarkan jenayah berlaku wajar dipertimbangkan supaya tiada ruang untuk lari daripada tanggungjawab.

Anak-anak bukan alat pertukaran kasih, bukan alat lunas hutang, mereka amanah yang perlu dilindungi dengan nyawa.

Kita perlu tanya berapa ramai lagi anak akan rosak sebelum masyarakat benar-benar membuka mata.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MPPM cadang insentif percukaian galak pembabitan tenaga kerja wanita

Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my



PENIAGA menyusun produk tempatan yang dijual ketika tinjauan buat sempena Belanjawan 2025. FOTO ASWADI ALIAS

Kuala Lumpur: Wanita bekerja perlu diberi insentif cukai khas sebagai dorongan kekal aktif dalam pasaran kerja, sekali gus menangani isu kehilangan bakat wanita pascagraduasi dan menutup jurang penyertaan di peringkat kepimpinan.

Timbalan Presiden Majlis Pemerkasaan Perniagaan Malaysia (MPPM), Prof Dr Roselina Ahmad Saufi berkata, dasar itu penting untuk mengurangkan kehilangan bakat wanita selepas tamat pengajian tinggi.

Selain itu katanya, pemberian insentif berbentuk cukai turut menggalakkan lebih ramai wanita memegang jawatan strategik di peringkat pengurusan dan lembaga syarikat.

"Langkah terbabit penting bagi menangani isu kehilangan bakat wanita yang kerap berlaku selepas tamat pengajian akibat tekanan sosial atau komitmen keluarga, serta bagi merapatkan jurang penyertaan wanita di peringkat pengurusan tinggi organisasi.

"Justeru, kami cadangkan supaya insentif cukai untuk wanita diperkenalkan termasuk cukai pendapatan dikurangkan dan ia bukan untuk mendiskriminasi lelaki, tapi sebagai insentif sementara untuk tarik dan kekalkan wanita dalam tenaga kerja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media di Forum Women Leadership Biz Talk (WLBT) anjuran MPPM di sini, baru-baru ini.

Roselina berkata, polisi cukai perlu digerakkan seiring dengan pelaksanaan kerja fleksibel sepenuhnya, termasuk model kerja jarak jauh dan sistem penilaian berdasarkan prestasi, bagi membolehkan wanita yang sering memikul peranan sebagai penjaga terus menyumbang secara produktif.

"Wanita dan lelaki harus dilihat sebagai pelengkap, bukan pesaing. Kita perlukan polisi yang memahami realiti kehidupan sebenar wanita," katanya.

Beliau turut menyarankan supaya organisasi menetapkan matriks akauntabiliti dan laporan berkaitan jumlah wanita dalam jawatan kanan seperti ketua jabatan atau pengarah, supaya sasaran 30 peratus penyertaan wanita di peringkat tertinggi yang ditetapkan kerajaan tidak sekadar aspirasi di atas kertas.

Selain itu, beliau turut mencadangkan supaya universiti mewujudkan modul khas kepimpinan wanita di bawah kurikulum teras, selari dengan fakta bahawa lebih 70 peratus pelajar di institusi pengajian tinggi adalah wanita.

"Universiti adalah kilang bakat negara, namun ramai pelajar wanita berhenti terus selepas tamat belajar kerana tekanan untuk berkeluarga dan persepsi sosial.

"Kita kena ubah itu melalui pendidikan dan pendedahan daripada peringkat akar lagi," katanya.

Menurutnya, MPPM akan memulakan rundingan dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi mengetengahkan cadangan ini secara rasmi.

Women Leadership Biz Talk adalah platform untuk menghimpunkan barisan bakal pemimpin wanita dari pelbagai latar belakang industri dan akademik bagi berkongsi ilmu, membina rangkaian strategik dan mendalami cabaran serta peluang dalam dunia profesional.

Forum pertama kali diadakan itu menampilkan sesi perkongsian daripada pemimpin wanita berpengaruh, serta forum interaktif yang memberi inspirasi dan motivasi kepada peserta.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ibu tunggal lega bumbung rumah diganti baharu



RAIS Yasin dan Raziff Yakop menyampaikan replika bantuan kepada Salinah Ibrahim di Kampung Kesang Tua, Jasin, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP

Oleh AMRAN MULUP 1 Julai 2025, 6:15 pm

JASIN: Seorang ibu tunggal yang mendiami rumah dengan kerangka bumbung dimamah anai-anai dan atap bocor hingga rumah dimasuki air hujan, kini mampu menarik nafas lega apabila kediamannya dibaik pulih melibatkan peruntukan sebanyak RM20,000.

Rohana Mohd. Nasir, 66, yang tinggal di Pondok Kempas, Selandar dekat sini berkata, sebelum ini dia terpaksa tinggal di rumah yang sering dimasuki air hujan di ruang tamu hingga ke dapur dan tidak mampu membaikinya kerana masalah kewangan.

"Alhamdulillah rumah saya sudah dibaiki sepenuhnya dan tiada lagi berlaku kebocoran ketika hujan, bukan seperti lima tahun dulu. Sebelum ini, bila keluar pergi mengaji terpaksa guna besen untuk tadah air hujan dan kadang-kadang bila balik habis ruang tamu hingga ke dapur habis basah.

"Masalah ini saya hadapi lebih lima tahun walaupun aduan dibuat tetapi tidak ada tindakan diambil tetapi bila Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Bemban yang baharu dilantik masalah ini dapat perhatian. Sekarang saya rasa cukup selesa selepas kerangka bumbung diganti baru, serta bumbung baru dan kedua-dua pintu dibaiki," katanya ketika ditemui pada Program Sentuhan Kasih Majlis Perbandaran Jasin (MPJ)-Menyantuni Penerima Program Baik Pulih Rumah (PPKB), hari ini.

Program disempurnakan Pengerusi Kanan Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin dan Penyelaras Japerun DUN Bemban, Raziff Yakop.

Seorang lagi penerima, Siti Hajar Abu Kassim, 42, yang mewakili ibunya, Salinah Ibrahim, 79, turut menzahirkan rasa lega apabila atap rumah yang didiami bersama tujuh ahli keluarga dibaik pulih sepenuhnya.

"Saya mewakili ibu mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu membaik pulih rumah ini," katanya. - UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Perak bangun modul khusus bantu OKU dapat kerja - EXCO

BERNAMA - Julai 1, 2025 @ 1:19pm



A Sivanesan

TAIPING: Kerajaan Perak melalui beberapa jabatan dan agensi telah membangunkan modul khusus bagi membantu golongan orang kurang upaya (OKU) menjalani latihan untuk mendapatkan pekerjaan bersesuaian.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional negeri, A Sivanesan, berkata individu berminat boleh mendaftarkan diri di pejabatnya atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK).

Beliau berkata modul itu bukan sahaja menawarkan kursus jangka pendek dan panjang, malah individu yang mengahdirinya akan diberikan elaun berjumlah RM50 sehari.

"Pada masa ini terdapat kira-kira 5,000 OKU tidak mempunyai pekerjaan di Perak dan saya fikir melalui modul bersifat jangka pendek (10 hari hingga dua minggu) atau jangka panjang (lebih tiga bulan) akan membantu mereka.

"Ia bukan sekadar satu latihan, malah memberi peluang kepada OKU memulakan hidup baharu melalui kerjaya yang mampu meningkatkan keyakinan serta taraf hidup mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mewakili Menteri Besar Perak merasmikan Program 2nd Malaysian Occupational Therapy Symposium Ministry of Health di sini hari ini yang turut dihadiri Ketua Profesion Pegawai Pemulihan dan Jurupuluh Perubatan Cara Kerja Kementerian Kesihatan Nora Hamid.

Sivanesan berkata modul yang dilaksanakan itu juga terbuka kepada semua golongan OKU tanpa mengambil kira latar belakang jantina, bangsa dan agama.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata pihaknya tidak menolak cadangan untuk menyediakan pasukan atau petugas kesihatan bagi memantau serta meningkatkan tahap respons terhadap sebarang kemalangan yang berlaku di Jalan Raya Timur-Barat (JRTB).

Sivanesan berkata cadangan itu sesuatu yang wajar dan akan dikemukakan dalam perbincangan bersama pihak berwajib.

"Cadangan ini sesuatu yang kita rasa wajar untuk dilaksanakan, namun buat masa ini Kementerian Pengangkutan dalam proses meningkatkan tahap keselamatan di JRTB melalui pemasangan lebih banyak lampu jalan serta papan tanda amaran.

"Pembaikan jalan juga dalam proses oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Jadi, buat masa ini saya minta supaya semua pengguna berhati-hati dan mematuhi setiap tanda amaran yang diletakkan di laluan JRTB," katanya. — BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21 pemilik rumah terbakar di Bagan Pasir Laut dibantu bina semula kediaman

Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my



TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. FOTO Bernama.

Bagan Datuk: Kerajaan akan membina semula semua 21 rumah yang musnah dalam kebakaran di Bagan Pasir Laut, Hutan Melintang, di sini, awal pagi Sabtu lalu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, sebuah jawatankuasa bersama juga dibentuk antara Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi tujuan itu.

"Saya sudah berbincang dengan Ketua Setiausaha KKDW serta Pengarah ICU negeri, dan mereka sudah membentuk jawatankuasa bersama untuk menyegerakannya, dan saya minta kerja-kerja untuk meratakan tanah dibuat dalam tempoh sebulan dari sekarang.

"Saya juga minta agar cari peruntukan bagi pembinaan cara standard untuk rumah-rumah berkenaan mengikut ukuran-ukuran tanah berdasarkan kepada geran atau surat kelulusan TOL (Lesen Pendudukan Sementara)," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis Penyampaian Kebajikan kepada mangsa kebakaran itu di sini hari ini.

Setiap keluarga yang ditimpa musibah itu menerima bantuan RM10,000 membabitkan RM3,000 daripada ICU serta Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA); sumbangan peribadi Ahmad Zahid (RM3,000); dan daripada Persekutuan Agama Buddha Tantrayana Chen Foh Chong Malaysia (PABT Malaysia) berjumlah RM4,000.

Ahmad Zahid berkata, perkampungan Bagan Pasir Laut dalam kawasan parlimen Bagan Datuk ini dibina sejak 140 tahun lalu dengan kawasan tanah berstatus tanah TOL dan terdapat keseluruhan sebanyak 149 rumah.

"Peruntukan yang sedia ada adalah kira-kira RM86,000 bagi satu unit rumah. Tetapi saya yakin wang-wang derma yang sudah dikumpulkan, mereka mungkin hendak membuat 'extension' (penambahan struktur) dan sebagainya di mana untuk itu kita serah kepada keluarga masing-masing.

"Pihak KKDW, NADMA kerajaan negeri Perak, Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dan jabatan-jabatan lain sudah dilakukan penyelarasan untuk kita menyerahkan hakmilik tanah TOL ini kepada tiap-tiap ketua keluarga, rumah, dan kedai yang terbabit dalam kebakaran.

"Manakala untuk tokong, terdapat seorang individu yang merupakan kawan saya yang sudah berjanji untuk memberikan bantuan bagi pembinaan semula tokong itu dan tadi saya sudah sampaikan sebahagian daripada sumbangan berkenaan," katanya.

Kebakaran di Bagan Pasir Laut Bagan Datuk pada 4.52 pagi, Sabtu lalu memusnahkan sebanyak 23 premis membabitkan 21 rumah kelas B dan kelas C yang setiap satu dianggarkan berkeluasan 92.9 meter persegi; sebuah premis kedai makan; dan sebuah rumah ibadat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KUCHING WELFARE OFFICE SEEKS MOTHER OF BABY LEFT AT BMC HATCH

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 2 JUL 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Kuching Welfare Office seeks mother of baby left at BMC hatch

KUCHING: The Kuching Division Social Welfare Office is appealing to the public for assistance in locating the biological mother of a male infant placed in the baby hatch at Borneo Medical Centre (BMC) on June 15.

According to a statement issued by the office, the newborn, estimated to be around 14 days old, was found fully clothed with a feeding bottle and a handwritten note that read 'Izzy Haziq (L), 14/6/2025 @ 11.40PM'.

"A police report regarding the case was lodged by medical officer Dr Nurul Akma Laili Ramli under the report number SEKAMA/005158/25," the statement read.

The baby was later taken to Sarawak General Hospital for medical observation and has since been placed at Rumah Kanak-kanak Toh Puan Hajah Norkiah, a children's shelter here.

The case is currently under the care of Child Protector Nurkhuzaimah Abdullah, from the Welfare Office, in accordance with provisions under the Child Act 2001.

The Welfare Department is now actively trying to trace the infant's next-of-kin or biological family to facilitate the child's placement process and to register his birth certificate.



Handout photo of the newborn found at the BMC hatch on June 15.

"The Protector's report on the matter is scheduled to be presented before the Kuching Court for Children on Aug 6," the statement added.

Those who may have information about the identity or whereabouts of the baby's biological mother are urged to contact Nurkhuzaimah on 082-507111 or 082-507999, or via email at nurkhuzaimah@jkm.gov.my.

All information will be treated with strict confidentiality.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

PKMB Kuching sedang mengesan ibu kandung bayi lelaki

© Julai 1, 2025, Selasa - 6:40pm



Bayi lelaki berusia 14 hari yang diletakkan di Baby Hatch, BMC pada 15 Jun 2025.

KUCHING: Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian (PKMB) Kuching sedang mengesan ibu kandung bayi lelaki berusia 14 hari yang di bawah kendalian Pelindung Kanak-Kanak di pejabat kebajikan tersebut.

Menurut kenyataan PKMB Kuching, bayi lelaki itu diletakkan di Baby Hatch, Borneo Medical Centre (BMC) pada 15 Jun 2025.

Laporan polis dibuat oleh Pegawai Perubatan Doktor Nurul Akma Laili Ramli.

Kanak-kanak diletak dalam Baby Hatch dengan berpakaian lengkap bersama satu botol susu serta sekeping nota, kata kenyataan itu.

Untuk makluman, kes ini masih dalam siasatan Pelindung mengikut keperluan Akta Kanak-Kanak 2001.

Pelindung perlu mengesan waris untuk mendapatkan maklumat bagi pengurusan penempatan kanak-kanak serta pendaftaran Sijil Kelahirannya.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat atau mengenali ibu kandung kanak-kanak diminta menghubungi Pelindung iaitu Nurkhuzaimah Abdullah di talian 082-507111 atau 082-507999 dengan segera.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TEEN WITH INTELLECTUAL DISABILITY CHARGED WITH MURDER

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 2 JUL 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK



Police personnel escort the teen at the court. — Bernama photo

Teen with intellectual disability charged with murder

TANAH MERAH: A teenager with intellectual disabilities was charged in the Magistrates' Court here yesterday with the murder of a senior citizen.

Tuan Mohamad Izmal Firdaus Tuan Muda, 18, nodded after the charge was read before Magistrate Tun Faez Fikhrrie, but no plea was recorded as the case is under the jurisdiction of the High Court.

He was charged with murdering Shamsudin Mohamed, 60, on the side of the road next to a grocery store in

Kampung Buluh, Gual Ipoh here between 6pm and 6.30pm on June 19.

The charge, framed under Section 302 of the Penal Code, provides the death penalty or imprisonment for not less than 30 to 40 years and a minimum whipping of 12 strokes, if convicted.

Deputy public prosecutor Siti Hajar Mazlan appeared for the prosecution, while the accused was unrepresented.

The court set Sept 2 for mention. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TEEN WITH INTELLECTUAL DISABILITY CHARGED WITH MURDER

HARI : RABU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 2 JUL 2025

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Teen with intellectual disability charged with murder

TANAH MERAH: A teenager with intellectual disabilities was charged in the Magistrate's Court here with the murder of a senior citizen.

Tuan Mohamad Izmal Firdaus Tuan Muda, 18, nodded after the charge was read out before

Magistrate Tun Faez Fikhrie yesterday, but no plea was recorded as the case is under the jurisdiction of the High Court.

He was charged with the murder of Shamsudin Mohamed, 60, on the side of the road next to a grocery store in Kampung Buluh,

Gual Ipoh, here between 6pm and 6.30pm on June 19, Bernama reported.

The charge, framed under Section 302 of the Penal Code, provides the death penalty or imprisonment for not less than 30 to 40 years and a minimum whip-

ping of 12 strokes, if convicted.

The prosecution was led by deputy public prosecutor Siti Hajar Mazlan, while Tuan Mohamad Izmal was unrepresented.

The court set Sept 2 for mention.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Remaja OKU didakwa atas tuduhan bunuh warga emas di Tanah Merah

Jenayah - Dicipta: 01 Julai 2025 11:45 AM



Foto hiasan

TANAH MERAH, 1 Julai – Seorang remaja lelaki orang kurang upaya (OKU) intelektual didakwa di Mahkamah Majistret Tanah Merah, Kelantan hari ini atas pertuduhan membunuh seorang warga emas, pada 19 Jun lalu.

Tiada sebarang pengakuan direkod selepas pertuduhan dibaca di hadapan Masjistret Tun Faez Fikhrie Tun Asrul Saini.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan perbuatan bunuh ke atas Shamsudin Mohamed, 60-tahun, di tepi jalan sebelah kedai runcit, Kampung Buluh, Gual Ipoh, Tanah Merah pada pukul 6.00 petang.

Pendakwaan dibuat bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara minimum 30 tahun, maksimum 40 tahun dan jika tidak dijatuhkan hukuman mati, boleh disebat tidak kurang 12 sebatan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Siti Hajar Mazlan, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Dalam pendakwaannya, Siti Hajar tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap tertuduh kerana pertuduhan atas kesalahan tersebut tidak boleh dijamin.

Kes ditetapkan 2 September ini untuk sebutan semula bagi laporan kimia dan perubatan.

Media sebelum ini melaporkan lelaki warga emas maut dipercayai selepas dipukul dengan sebatang besi.

Dalam kejadian 6.00 petang itu, mangsa parah di muka dan disahkan meninggal dunia di lokasi selepas rebah dipukul, dipercayai seorang remaja lelaki berusia 18 tahun.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bapa dua anak didakwa 'sentuh' adik ipar ketika isteri hamil

Oleh MOHD SHARKAWI LONDING 1 Julai 2025, 3:58 pm



BAPA dua anak didakwa mencabul kehormatan adik iparnya di Mahkamah Muar, hari ini.

MUAR – Seorang pekerja kedai buah yang bakal menimang cahaya mata ketiga mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal adik iparnya di Segamat, tahun lalu.

Tertuduh berusia 24 tahun yang juga bapa kepada dua anak membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dikemukakan terhadapnya di hadapan Hakim Sayani Mohd. Nor.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan perbuatan itu terhadap adik ipar perempuan berusia 14 tahun dalam bilik di sebuah rumah, di antara pukul 8 hingga 10 pagi, November tahun lalu.

Kesalahan itu dilakukan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 yang dibaca bersama Seksyen 16 akta sama.

Hukuman bagi Seksyen 14 ialah penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, manakala Seksyen 16 iaitu tambahan hukuman, penjara maksimum lima tahun dan sebatan tidak kurang dua kali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan laporan dibuat, kejadian berlaku ketika mangsa tinggal bersama tertuduh dan kakaknya yang juga isteri lelaki itu.

Bagaimanapun, mangsa tidak menceritakan kejadian itu sehingga remaja itu berpindah ke rumah seorang lagi kakaknya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Diyana Najihah Muhamed Fauzi, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 5 Ogos ini untuk sebutan serahan dokumen dan lantikan peguam tertuduh serta membenarkan ikat RM12,000 dengan seorang penjamin.

Selain itu, mahkamah meletakkan syarat tambahan agar tertuduh melapor diri di balai polis berhampiran dan tidak boleh mengganggu atau berkomunikasi dengan saksi pendakwaan terutama mangsa sehingga kes selesai. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis tahan guru silat disyaki cabul anak murid 12 tahun

Oleh Reza A Hamid - 1 July 2025



Gambar Hiasan

ALOR GAJAH – Polis menahan seorang guru silat selepas disyaki memeluk dan mencium murid perempuan berusia 12 tahun selepas insiden itu terbongkar Ahad lalu.

Suspek berusia 35 tahun ditahan sepasukan polis dari Bahagian D11 (Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka petang tadi.

Menurut sumber, kesalahan amang seksual itu dipercayai berlaku semasa kejohanan silat terbuka peringkat kebangsaan pada Februari lalu di dalam sebuah inap desa di hadapan pejabat pertubuhan berkenaan.

“Bagaimanapun kejadian hanya terbongkar pada Ahad lalu selepas mangsa menceritakannya kepada ibu dan bapa tirinya mengenai perbuatan guru silatnya yang pernah mencium dan memeluknya di sebuah inap desa di hadapan pejabat pertubuhan silat terbabit sewaktu kejohanan.

“Sebelum ini pada Mac lalu, suspek juga didakwa telah menghantar WhatsApp berbau lucah kepada kanak-kanak berkenaan iaitu mahu tidur dengannya menyebabkan mangsa ketakutan dan merahsiakan hal itu,” katanya.

Menurutnya selepas kejadian Mac lalu, ibu bapa kanak-kanak berkenaan telah memberi amaran kepada guru silat berkenaan supaya menjauhi mangsa yang merupakan anak murid suspek sejak dia mengikuti latihan silat pada umur 10 tahun.

“Ibu bapa mangsa juga telah menukarkan anaknya itu mengikuti latihan silat di tempat lain bagi mengelak kejadian serupa berulang.

“Bapa mangsa kemudian membuat laporan polis di Balai Polis Masjid Tanah Ahad lalu,” katanya.

Suspek akan direman di Kompleks Mahkamah Alor Gajah esok bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh disabit, jika sabit kesalahan. – MalaysiaGazette

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pekerja kilang tayar nafi amang seksual remaja

Published on: Tuesday, July 01, 2025
By: Jo Ann Mool

Text Size: Dark Mode:



Tertuduh bagi pertuduhan kedua didakwa mencium gadis sama pada Februari 2024, antara jam 7 malam hingga 8 malam, juga di sebuah pusat hiburan di pekan Tuaran.

KOTA KINABALU: Seorang pekerja kilang tayar didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas dua pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang perempuan bawah umur di Tuaran.

Lelaki berusia 19 tahun itu mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Amir Shah Amir Hassan melakukan kesalahan itu, yang masing-masing didakwa di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa mencium dan meraba payudara mangsa yang ketika itu berusia 14 tahun (kini 16 tahun) pada pertengahan Jun 2023, antara jam 12 tengah hari hingga 1 petang, di sebuah pusat hiburan di pekan Tuaran.

Tertuduh bagi pertuduhan kedua didakwa mencium gadis sama pada Februari 2024, antara jam 7 malam hingga 8 malam, juga di sebuah pusat hiburan di pekan Tuaran.

Setiap pertuduhan membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Pihak pendakwaan, ketika memohon tarikh sebutan baharu, membantah ikat jamin atas alasan pertuduhan itu tidak boleh dijamin, melibatkan kesalahan serius, dan terdapat risiko tertuduh mungkin melarikan diri atau mengganggu saksi pendakwaan, khususnya mangsa.

Pendakwaan turut berhujah bahawa sekiranya jaminan dibenarkan, ia mencadangkan jaminan ditetapkan sebanyak RM10,000 bagi setiap pertuduhan, dengan syarat-syarat berikut: tertuduh perlu melapor diri kepada polis setiap dua minggu, menyerahkan pasport kepada mahkamah dan dilarang menghubungi mana-mana saksi pendakwaan.

Tertuduh yang tidak diwakili memohon dibebaskan dengan ikat jamin dengan alasan bahawa dia kini bekerja sebagai pekerja kilang tayar.

Amir menetapkan 30 Julai untuk pengurusan kes pra-perbicaraan dan membebaskan tertuduh dengan ikat jamin sebanyak RM4,000 serta dua perjamin bagi setiap pertuduhan.

Mahkamah turut mengenakan syarat tambahan kepada jaminan yang memerlukan tertuduh melapor diri di Balai Polis Tuaran pada hari pertama setiap bulan sehingga kes selesai.

Pasportnya juga perlu diserahkan kepada mahkamah dan dia dilarang menghubungi atau mengganggu saksi pendakwaan, terutamanya mangsa.

Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Yousof Tahir Mahmood mengendalikan pendakwaan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

Twitter Facebook Instagram TikTok



TAJUK : BUMBUNG HILANG DIBAWA ANGIN

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 2 JUL 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Bumbung hilang dibawa angin

15 rumah di Kampung Jelai alami kerosakan selepas dibadai ribut paling dahsyat sejak 13 tahun lalu

Oleh Shaiful Shahrin
Ahmad Pauzi
am@hmetro.com.my

Larut

"Selepas melaungkan azan, saya terkejut apabila melihat bumbung rumah diterbangkan angin yang begitu kuat."

Begitu kata Nor Azahar Mohamed Noor, 56, apabila rumahnya antara 63 kediaman di Taman Kamunting Perdana di sini yang mengalami kerosakan akibat dilanda ribut, petang kelmarin.

Dalam kejadian jam 4.15 petang, kira-kira 15 rumah di Kampung Jelai, Batu Kurau di sini turut mengalami nasib sama.

Nor Azahar berkata, ketika kejadian dia yang berada di dalam rumah mendengar bunyi angin yang sangat kuat lalu terus keluar untuk melihat apa yang berlaku.



KEADAAN bumbung rumah penduduk Taman Kamunting Perdana yang rosak akibat dibadai ribut.

"Ribut semakin kuat dan saya tak pernah dengar atau lihat angin seperti ini. Tidak lama selepas itu, saya hanya mampu berputih mata melihat bumbung utama rumah diterbangkan ribut."

"Anak dan isteri yang berada dalam rumah terkejut dan hanya menjerit selepas mendapati bumbung utama di ruang tamu hilang dibawa angin," katanya di-

temui, di sini, malam kelmarin.

Mangsa lain Mahamat Sopian Mat Hussin, 52, berkata, dia juga terkejut selepas mendapati bumbung hadapan rumahnya diterbangkan ribut sehingga sejauh lebih 500 meter.

"Tak dapat nak gambarkan kekuatan angin itu, bayangkan bumbung saya di-

angkat sampai ke tiga lorong dari taman ini sejauh lebih 500 meter."

"Buaian besi seberat hampir 100 kilogram pula yang berada di luar rumah diangkat sejauh 100 meter ke rumah jiran, manakala garaj kereta di luar turut ranap dimusnahkan ribut."

"Selepas bersara daripada perkhidmatan tentera

dan sejak menetap di sini kira-kira 13 tahun lalu, ini kejadian paling dahsyat berlaku," katanya.

Menurutnya, dia bersyukur biarpun kejadian itu menyebabkan rumahnya mengalami kerosakan, namun anak dan isterinya selamat.

Katanya, dia berharap

agensi kerajaan dan pihak berkaitan dapat membaiki pulih kediaman mangsa dengan segera sebelum perayaan Aidil Adha ini.

Sementara itu, Setiausaha Umno Bahagian Larut, Mohd Amran Abdul Rahman berkata, pihaknya tampil bersama penghulu mukim dan ketua kampung bagi mengambil maklumat sekali gus memberi bantuan awal kepada semua mangsa ribut.

Menurutnya, pihaknya menjangka akan melantik kontraktor bagi membaiki pulih rumah mangsa sebelum perayaan Aidil Adha ini.

"Bagaimanapun, kita menasihatkan kesemua mangsa membuat laporan polis bagi membolehkan rumah mereka dibaik pulih," katanya.



BUMBUNG kediaman seorang penduduk Taman Kamunting Perdana rosak teruk dibadai ribut.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : **TAUKE KEDAI MAKAN NAFI DERA ANAK SEPUPU**

HARI : **RABU**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **2 JUL 2025**

M/SURAT : **06**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Chukai: Seorang pengusaha kedai makan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan mendera anak perempuannya kepada sepupunya di Binjai di sini.

Tertuduh, seorang wanita berusia 52 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan ke atasnya di hadapan Hakim Wan Suhaila Mohd.

Wanita yang mempunyai hubungan pemeliharaan kepada remaja perempuan berusia 15 tahun itu didakwa mengabaikan sehingga menyebabkan remaja itu mengalami kece-

Tauke kedai makan nafi dera anak sepupu

deraan fizikal.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada 5.30 petang di sebuah kedai makan di Binjai dekat sini antara Mac hingga 22 Mei lalu mengikut Seksyen 31(1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh dihukum di bawah seksyen sama, yang membawa hukuman denda hingga RM50,000 atau penjara

maksimum 20 tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Noor Asyikin Hashim, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM6,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 1 Julai depan untuk sebutan semula kes.



ANGGOTA polis mengiringi tertuduh ke Mahkamah Sesyen Chukai.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TEACHER CLAIMS TRIAL TO CHARGE OF SEXUALLY ASSAULTING MINOR

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 2 JUL 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Teacher claims trial to charge of sexually assaulting minor

Suraini Andokong

KOTA KINABALU: A primary school teacher pleaded not guilty in the Sessions Court here yesterday to committing physical sexual assault on a minor.

Mino Ersyad Arshad, 49, who appeared before Judge Elsie Primus, was charged under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017.

He is alleged to have kissed a 12-year-old girl inside a car in Sepangar sometime around midnight on Aug 18 last year.

The court fixed July 30 for pre-trial case management, and allowed the accused to be released on RM15,000 bail with two local sureties.

Mino was represented by counsel Hamid Ismail.

Separately, the Magistrates'

Court here yesterday sentenced an unemployed man to 12 months in prison for injuring his sister.

Magistrate Wan Farrah Fariza Wan Ghazali imposed the sentence on Ridzuan Roslan, 22, after he pleaded guilty to a charge under Section 323 of the Penal Code, punishable under Section 326A of the same law.

He committed the offence against his 31-year-old entrepreneur sister at an apartment here on April 24.

The court heard that an investigation revealed that the incident happened after the victim told her brother not to shout inside the apartment.

The accused responded by punching his sister's head and strangling her, before hitting left hand against the house grill.

Ridzuan was unrepresented by legal counsel.